

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

SOALAN NO. 65

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan cadangan pindaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 yang telah direka khas untuk mengimbangi hak petani dan hak pembiak baka tumbuhan komersial dengan pindaan baru dikenali sebagai "*Plant Breeder's Rights Act*" yang mengiktiraf terma-terma yang ada di dalam Konvensyen UPOV 91.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *plant breeders rights* atau lebih dikenali sebagai hak pembiak baka adalah satu hak eksklusif yang diberikan kepada pembiak baka yang telah membangunkan satu varieti baru tumbuhan. Kementerian ini telah memulakan pindaan akta tersebut sejak tahun 2012 bagi tujuan memperbaiki akta sedia ada untuk menggalakkan pembiak baka-pembiak baka dalam dan luar negara membangunkan varieti-varieti baru yang berkualiti dan bermutu tinggi. Pindaan ini juga bertujuan memberi hak yang sama rata kepada semua kategori pembiak baka tidak kira dari kalangan petani, *local community*, *indigenous people*, kumpulan petani, persatuan petani, pembiak baka tempatan, individu dan semua pihak yang berjaya menghasilkan sesuatu varieti baru tumbuhan.

Semua pemohon akan mendapat hak perlindungan varieti baru yg didaftarkan selama 20-25 tahun di dalam rangka pindaan akta yg baru. Akta ini juga selari dengan Konvesyen UPOV 91 yang mana ia merupakan platform kepada pembiak baka tempatan untuk mendapat pengiktirafan diperingkat antarabangsa. Pindaan akta ini masih diperingkat semakan Pejabat Peguam Negara untuk dimuktamadkan sebelum di bawa ke Parlimen untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.